

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHAN A/L THANGARASU**

**TARIKH : 31 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 51**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang kenyataan yang dibuat oleh Presiden Persatuan Pemandu Grab Malaysia (GDMA) yang memaklumkan bahawa kadar kegagalan lulus peperiksaan bagi lesen vokasional (PSV Teksi/e-Hailing) sangat tinggi sehingga membuatkan pemandu e-Hailing terpaksa mengeluarkan sejumlah wang yang besar untuk menduduki semula ujian tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bermula daripada 1 April 2019, pemohon Lesen Vokasional PSV (Teksi/E-hailing) perlu menghadiri kursus teori selama enam (6) jam di pusat latihan memandu yang diiktiraf oleh JPJ dan menduduki ujian teori sebanyak enam puluh (60) soalan.
2. Soalan ujian teori bagi Lesen Vokasional (PSV-Teksi/Ehailing) telah dibangunkan melalui Jawatankuasa Pembangunan Modul Latihan Baharu Pemandu Teksi dan E-hailing yang terdiri daripada agensi-agensi seperti Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan pakar akademik dari Universiti Awam Malaysia.
3. Tahap penilaian soalan yang dibangunkan pula, telah diuji dan dinilai terlebih dahulu supaya menepati suatu pencapaian kompetensi bagi seseorang yang ingin dilesenkan dengan Lesen Vokasional (PSV-Teksi/E-hailing).
4. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi keperluan seseorang calon untuk memahami modul pembelajaran bagi memastikan calon kompeten semasa menduduki ujian dan bersedia untuk menjadi pemandu kenderaan perkhidmatan awam (e-hailing).
5. Untuk makluman, setakat **10 Julai 2019**, sebanyak **31,731 pendaftaran calon** bagi mengikuti kursus lesen vokasional PSV (Teksi/ e-hailing) telah direkodkan di semua pusat latihan memandu di seluruh Malaysia dan **25,248 calon** berdaftar telah berjaya **menghadiri kursus selama enam (6) jam dengan lengkap** di semua pusat latihan di seluruh Malaysia.
6. Manakala sebanyak **19,891 orang calon telah lulus** ujian lesen vokasional PSV (Teksi/ e-hailing). Seterusnya, sejumlah **13,458 lesen**

**vokasional PSV (Teksi/ e-hailing) telah dikeluarkan** oleh JPJ. Dengan jumlah tersebut, **sebanyak 78.8% calon telah lulus ujian tersebut** dan berjaya dilesenkan setakat 10 Julai 2019.

7. Di samping itu, kadar yuran siling bagi permohonan lesen vokasional PSV (Teksi/ e-hailing) telah ditetapkan oleh kerajaan iaitu sebanyak RM200.00. Kadar ini adalah termasuk dengan fi kad ujian memandu sebanyak RM10.00. Bagi calon yang mengulangi semula ujian, fi kad ujian memandu perlu dibayar semula adalah sebanyak RM10.00.

Sekian, terima kasih.